

Insan yang soleh diumpamakan seperti wangian, sesiapa yang mendekatinya pasti mencium bau keharumannya apatah lagi apabila ia berkongsi wangian tersebut. Ibnu Qayyim al-Jauziyah menjelaskan lagi *'ke mana pun dia pergi dan di mana pun dia bertempat pasti akan memberi manfaat di dunia dan di akhirat bagi mana jua arah yang dituju, daerah yang didiami dan kepada orang yang mendampinginya'*. Malah, dalam satu hadis Rasulullah SAW menyatakan dengan sabdanya *"bersahabat dengan orang yang soleh dan orang yang jahat diumpamakan berkawan dengan pengedar minyak wangi dan tukang besi (yang memercikkan api). Pengedar minyak wangi sama ada ia memberi kepada kamu sebahagiannya atau kamu membeli bau-baunya*

atau sekurangnya kamu dapat juga mencium keharumannya. Manakala tukang besi samada ia menyebabkan baju kamu terbakar atau kamu mendapat bau yang busuk" (Riwayat Abu Daud).

Marilah kita bersama-sama bermuhasabah dan sentiasa mempertingkatkan amal soleh kita dengan memperbanyakkan dan memperelokkan segala ibadah dan muamalah dengan sentiasa mengikhlasakan diri kepada Allah. Semoga kita diberikan dengan kehebatan di dunia dan di akhirat sebagaimana janji Allah dalam firmannya yang bermaksud *"Sungguh orang yang beriman dan beramal soleh untuk mereka disediakan syurga Firdaus sebagai tempat kediamannya"* (al-Kahfi 107).

Murka Allah SWT Terhadap Pemutus Silaturrahim

Oleh: **Muhammad Noor Hussin**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Antara langkah syaitan dalam menyesatkan umat Islam adalah dengan membisikkan serta menghasut umat Islam untuk saling bermusuhan, berpecah dan akhirnya memutuskan tali hubungan persaudaraan. Akhirnya, mereka menghindar dan tidak bertegur sapa sesama Muslim tanpa sebab yang dibenarkan agama. Antara yang biasa berlaku adalah perkelahian berkenaan harta.

Bahkan ada yang bersumpah untuk tidak mahu bertegur sapa selama-lamanya atau bernazar untuk tidak menziarahi rumahnya. Jika secara tidak sengaja bertemu di jalan, ia segera memalingkan muka. Apabila bertemu di majlis pula, ia hanya bersalaman bersama orang yang sebelum dan sesudahnya tanpa menghiraukannya. Turut berlaku di mana putusnya hubungan tersebut sehingga bertahun-tahun lamanya dan ini jelas diharamkan oleh agama.

Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A. *"Tidak halal seorang Muslim memutuskan hubungan dengan saudara (sesama muslim) lebih dari tiga hari. Barangsiapa memutuskan lebih dari tiga hari dan meninggal dunia maka ia masuk neraka."* (Riwayat Abu Daud: 215). Agama telah menyatakan dengan jelas bahawasanya diharamkan sesama Muslim untuk tidak menghiraukan saudara Muslimnya melebihi tiga hari, apatah lagi sekiranya ia berlaku selama bertahun-tahun sepertimana yang diriwayatkan oleh Abu Khirasy Aslami R.A. *"Barangsiapa memutuskan hubungan dengan saudaranya selama setahun maka ia seperti mengalirkan darahnya."* (Riwayat Bukhari: 406). Perbuatan memutuskan hubungan sesama Muslim ini mengundang kemurkaan Allah SWT serta Allah SWT menolak daripada memberikan ampunan ke atas mereka. Hal ini disebut dalam sabda baginda Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A Maksudnya: *"Semua amal manusia diperlihatkan (kepada Allah SWT) pada setiap Jumaat dua kali; hari Isnin dan hari Khamis. Maka setiap hamba yang beriman diampuni (dosanya) kecuali hamba yang antara dirinya dengan saudaranya ada permusuhan.*

"Difirmankan kepada malaikat: Tinggalkanlah atau tangguhkanlah (pengampunan untuk) dua orang ini sehingga keduanya kembali berdamai." (Riwayat Muslim: 4780).

Jika salah seorang daripada keduanya bertaubat kepada Allah SWT, maka mereka harus berusaha menyambung kembali hubungan silaturrahim bersama kawannya dan memberinya salam. Jika ia telah melakukannya, manakala kawannya itu menolak maka ia telah terlepas daripada tanggungan dosa. Adapun kawannya yang menolak itu tadi, dosa itu tetap ada padanya.

Namun, jika ada alasan yang dibenarkan seperti ia meninggalkan solat atau berterusan melakukan maksiat dan memutuskan hubungan itu mampu membuatnya kembali kepada kebenaran ataupun menjadikannya merasa bersalah, pada ketika itu memutuskan hubungan hukumnya menjadi wajib. Walaubagaimanapun, sekiranya tindakan memutuskan hubungan itu mengeruhkan lagi keadaan yang menjadikan saudaranya itu tadi semakin berpaling, menjauh dan menambah dosa maka ia dilarang daripada memutuskan hubungan dengannya sepertimana hajr Nabi SAW terhadap Kaab bin Malik dan dua orang kawannya yang dihentikan oleh baginda. Dalam keadaan seperti ini, perlulah terus-menerus berbuat baik, menasihati dan mengingatkannya.

Kesimpulan yang dapat dibuat:

1. Memutuskan hubungan silaturrahim melebihi tiga hari dengan sengaja adalah haram dan mendapat ancaman neraka.
2. Segala amal mahupun taubat tidak diterima atau ditangguhkan selagi mana pihak yang bersengketa masih belum berdamai.
3. Pihak yang bersengketa dikira terlepas dari tanggungan dosa jika telah melakukan usaha damai walaupun sebelah pihak lagi tidak menerima perdamaian tersebut.

Rujukan: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan: Perkara Haram Yang Dianggap Biasa